

POLISI BIODIVERSITI

JPG berhasrat untuk ke arah pembangunan lestari dan perlindungan biodiversiti mengikut piawaian yang ditetapkan oleh badan dan organisasi antarabangsa. JPG bermatlamat untuk melindungi biodiversiti dan ekosistem yang wujud di dalam serta merentasi sempadan konsesi¹ kami yang merangkumi semua kawasan HCV, HCS, kawasan pemuliharaan yang lain, spesies RTE dan kategori Kesatuan Antrabangsa untuk Pemuliharaan Alam Sekitar (IUCN)² yang telah dikenalpasti, melalui:

- Mengamalkan sifar penyahutan dan sifar penukaran³ bagi semua ekosistem semula jadi dan memastikan pertimbangan kemampuan diambil kira sebelum pembangunan tanah.
- Mematuhi semua undang-undang tempatan dan antarabangsa yang berkaitan dengan pemuliharaan biodiversiti.
- Mengenal pasti dan menilai kawasan oleh penilai yang diakreditasi, dijayakan dengan pembangunan, pelaksanaan, penyesuaian dan pemantauan pelan pengurusan bersepadu melalui rundingan bersama pihak kepentingan yang berkaitan, yang merangkumi langkah-langkah untuk melindungi dan meningkatkan kawasan biodiversiti yang telah dikenalpasti dengan melaksanakan larangan aktiviti memburu, pencerobohan dan mengutip, apabila perlu untuk memastikan keberkesanannya.
- Pemulihan kawasan berlakunya penyahutan dan penukaran secara tidak patuh terpakai bagi semua ekosistem semula jadi.
- Meningkatkan biodiversiti melalui pemantauan dan mengemaskini sasaran terikat masa bagi pencapaian biodiversiti dengan menubuhkan projek biodiversiti melalui pemulihan tanah terosot dengan mengenalkan semula spesies tumbuhan asli, mencipta habitat yang sesuai untuk spesies-spesies burung, serta menyediakan sumber air dan makanan untuk menyokong pemulihan populasi burung dan meningkatkan 10% daripada spesies burung daripada penilaian awal di kawasan tersebut menjelang tahun 2028.

¹Merentasi sempadan konsesi merujuk kepada skop komitmen yang terpakai kepada rakan kongsi perniagaan JPG termasuk semua kontraktor, pembekal, peniaga dan pihak berkepentingan industri lain.

²Kategori IUCN merujuk kepada Kawasan Warisan Dunia, kawasan perlindungan yang diwartakan di bawah undang-undang negara atau negeri, dan semua kawasan yang ditetapkan di bawah perjanjian dan konvensyen antarabangsa.

³Sifar penyahutan dan sifar penukaran merujuk kepada JPG mengiktiraf 15 November 2018 sebagai tarikh akhir bagi pematuhan rantaian bekalan terhadap semua peruntukan polisi ini.

POLISI BIODIVERSITI

- Menghormati hak komuniti setempat dengan memegang teguh prinsip Izin terdahulu, Bebas, dan Telus (FPIC) melalui perundingan dan interaksi dengan menggalakkan penglibatan mereka dalam pemuliharaan dan pengurusan kawasan biodiversiti yang telah dikenalpasti.
- Menyediakan maklumat dan latihan yang berkaitan kepada pekerja untuk meningkatkan kompetensi dan pengetahuan.
- Mengadakan dan menggalakkan kesedaran dan kefahaman dalam kalangan pihak kepentingan termasuk pekebun kecil.
- Menubuhkan kerjasama dan perkongsian dengan Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan agensi yang pakar.

Polisi ini digunakan untuk semua operasi perniagaan JPG termasuk subsidiari JPG dan unit operasi dibawah pengurusan JPG. Dalam keadaan di mana JPG mempunyai kepentingan perniagaan, rakan niaga JPG termasuk semua kontraktor, pembekal, peniaga, dan pemegang kepentingan industri lain juga perlu mematuhi polisi ini.